



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 1 Tahun 2015

PENSTRUKTURAN BAHAGIAN PENYELIDIKAN & INOVASI DAN PENJENAMAAN SEMULA INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMI)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Penstrukturan Bahagian Penyelidikan & Inovasi dan Penjenamaan Semula Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) UiTM, Bil. 04/2015 telah meluluskan cadangan Penstrukturan dan Penjenamaan Semula Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) kepada Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (*Institute of Research Management and Innovation - IRMI*) berkuat kuasa 1 April 2015.

3. Mesyuarat Penyelidikan Universiti (MPU) Bil. 5/2015 pada 19 Mei 2015 turut bersetuju dengan cadangan penstrukturan Bahagian Penyelidikan & Inovasi dengan meletakkan struktur pentadbiran Pusat Kecemerlangan di bawah tanggungjawab Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

TUJUAN PELAKSANAAN

4. Berkuat kuasa pada tarikh yang diberikan, penstrukturan dan penjenamaan semula RMI adalah bagi perkara-perkara berikut:

- i. Pertukaran nomenklatur jawatan Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) kepada Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

- ii. Penjenamaan semula RMI dengan nama yang baharu iaitu Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (*Institute of Research Management and Innovation – IRMI*) yang merangkumi 3 unit utama iaitu:
 - a. *Research Management Centre (RMC)* – Pusat Pengurusan Penyelidikan.
 - b. *Communities of Research (CoRe)* – Komuniti Penyelidikan.
 - c. *Research and Innovation Business Unit (RIBU)* – Unit Perniagaan Penyelidikan dan Inovasi.
5. Bagi Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang baru diwujudkan, ia akan diketuai oleh seorang Pengarah Pembangunan Penyelidikan. Manakala bagi Komuniti Penyelidikan (CoRe) dan RIBU, jawatan-jawatan Pengarah yang telah sedia ada adalah dikekalkan.
6. Segala alamat surat-menyurat kepada bahagian-bahagian yang terdapat di Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) perlu dialamatkan seperti berikut:
 - i. Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)
Aras 3, Bangunan Wawasan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
 - ii. Pejabat Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)
Aras 3, Bangunan Wawasan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
 - iii. Pejabat Komuniti Penyelidikan
Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)
Aras 3, Bangunan Wawasan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
 - iv. Pejabat Research Innovation Business Unit (RIBU)
Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)
UiTM - MTDC Technopreneur Centre
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
7. Bagi penstrukturan pentadbiran Pusat Kecemerlangan akan diletakkan di samping Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI). Keseluruhan struktur pentadbiran ini dicadangkan untuk dinamakan sebagai Bahagian Penyelidikan & Inovasi seperti yang ditunjukkan di **Lampiran 1**.

TARIKH DIKELUARKAN

8. Pekeliling dikeluarkan pada **28 Mei 2015**.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2015**.

Yang benar



PROF. IR. DR. ABDUL RAHMAN OMAR, JSM
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-dekan Fakulti
Semua Rektor-rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-IRMI(6/7)
No Siri : 100-CSPI(PT.6/7/2)

STRUKTUR TADBIR URUS PENYELIDIKAN & INOVASI UiTM

